

TARIKH	17 JUN 2025 (SELASA)	SURATKHABAR	BH / <b>UM</b> / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	SEKTOR TENAGA PACU EKONOMI ASEAN		
M/S	1 – 2	KATA KUNCI	ENERGY
BIDANG	ENERGY		

TNB peruntuk RM43b naik taraf infrastruktur grid negara dan AI

# Sektor tenaga pacu ekonomi ASEAN

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF  
BAKRI, ASLINDA NASIR,  
ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI  
dan HENDRA WINARNO  
utusan.news@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Sektor tenaga mempunyai kekuatan untuk memacu pertumbuhan ekono-

mi rantau ASEAN, sekali gus memberi keyakinan pelabur serta menggerakkan aliran modal ke dalam projek tenaga boleh baharu di seluruh rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ini kerana ASEAN mempunyai po-

tensi yang sangat besar dalam tenaga boleh baharu seperti tenaga angin di Vietnam, kuasa hidro di Laos, solar di Malaysia serta tenaga geotermal di Indonesia.

Katanya, Malaysia dalam masa yang sama berusaha untuk menangani jurang itu mela-

lui dasar seperti Skim Bekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS), yang membolehkan syarikat memperoleh tenaga bersih melalui grid nasional di bawah model akses pihak ketiga.

**Bersambung di muka 2**



**Pakar tenaga**

ANWAR Ibrahim berbual dengan Ketua Pegawai Eksekutif Mubadala Energy, Mansoor Mohamed Al Hamed (dua dari kanan) sambil diiringi Timbalan Pengerusi S&P Global, Dr. Daniel Yergin (kiri); Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (tiga dari kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas, Tan Sri Tengku Muhammad Taufik Aziz (dua dari kiri) ketika melawat reruai pameran Mubadala Energy selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Energy Asia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

# Sektor tenaga pacu ekonomi ASEAN

Dari muka 1

"Usaha juga sedang dijalankan untuk memberi insentif kepada pelaburan hijau melalui mekanisme seperti Skim Pembiayaan Teknologi Hijau," katanya semasa berucap dalam Majlis Perasmian Persidangan Energy Asia 2025 di sini semalam.

Dalam pada itu, Anwar berkata, tonggak kritikal kedua yang perlu diberi perhatian dalam memajukan peralihan tenaga di rantau ini adalah menaik taraf grid elektrik.

Justeru katanya, rantau ini mengambil langkah penting dengan mempercepatkan inisiatif Grid Kuasa ASEAN (APG) melalui memorandum perjanjian yang dipertingkatkan dan penubuhan rangkaian kemudahan pembiayaan APG khusus.

Menurut Anwar, aliran pembiayaan rentas sempadan mampu dipertingkatkan sekali gus membawa ASEAN lebih dekat kepada pasaran tenaga serantau yang benar-benar bersepdua.

"Ia mendorong kepada kesalinghubungan melangkaui perdagangan atau diplomasi, meluas kepada tenaga, nadi ekonomi moden.

"Di Malaysia, Tenaga Nasional Bhd. (TNB) komited memperuntukkan RM43 bilion untuk menaik taraf infrastruktur grid negara, menggabungkan kecerdasan buatan (AI) dan sistem storan tenaga bateri untuk membina daya tahan dan fleksibiliti yang lebih besar untuk masa hadapan," katanya.

Tambah Anwar, permintaan tenaga di Asia Pasifik melonjak sehingga mencelah 50 peratus pada tahun lalu.

Malah katanya, ASEAN menyumbang 60 peratus kepada pelepasan global dengan semua negara menyatakan komitmen untuk mengurang-



**Di Malaysia, Tenaga Nasional Bhd. (TNB) komited memperuntukkan RM43 bilion untuk menaik taraf infrastruktur grid negara, menggabungkan kecerdasan buatan (AI) dan sistem storan tenaga bateri untuk membina daya tahan dan fleksibiliti yang lebih besar untuk masa hadapan."**

**ANWAR IBRAHIM**

kan perubahan iklim.

Dalam pada itu, Anwar berharap pelaburan dalam bidang tenaga dapat dipertingkatkan bagi memastikan tahap kecekapan dan mengurangkan pelepasan sistem tenaga sejia ada ekoran bahan api fosil masih menyumbang hampir 80 peratus daripada bekalan tenaga global.

Katanya, keterjaminan tenaga mesti melangkaui kestabilan bekalan dengan memasukkan keadilan sosial dan akses inklusif.

Selain itu, Anwar berkata, ASEAN dalam masa yang sama perlu meletakkan asas untuk laluan pragmatik melalui Rangka Kerja dan Pelan Hala Tuju Penangkapan dan Penyimpanan Karbon ASEAN (CCS).

Katanya, ini penting untuk memperkemas dasar dan memudahkan aliran modal serta karbon merentasi sempadan.

"Malaysia sudah melaksanakannya dengan meluluskan Rang Undang-undang Penangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 awal tahun ini untuk menyediakan asas kawal selia bagi sektor yang sedang berkembang itu.

"Petronas mengetuai tanggungjawab dengan rancangan untuk membangunkan tiga hab CCS di perairan luar pesisir, bukan sahaja untuk sektor minyak dan gas, tetapi juga industri lain," ujarnya.

Menurut Anwar lagi, usaha CCS Malaysia membabitkan lebih 10 rakan kongsi antara bangsa dari Jepun, Korea Selatan dan firma tenaga global seperti Total dan Shell.

Dalam perkembangan lain, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadhilah Yusof berkata, ASEAN kini dalam usaha menjadi antara pembekal utama tenaga boleh baharu terkemuka di dunia melalui kerjasama erat antara negara-negara anggota.

Jelasnya, Malaysia selaku Pengerusi ASEAN memainkan peranan penting dalam Projek Grid Kuasa ASEAN (ASEAN Power Grid - APG) dan melihat ia sebagai langkah strategik dalam memastikan keselamatan tenaga dan kelestarian alam sekitar terjamin.

Malah jelasnya, beliau yakin perancangan tersebut mampu manirik pelaburan luar.

"Kami menyasarkan untuk menyediakan hala tuju Grid Tenaga ASEAN (ASEAN Power Grid - APG) menjelang akhir tahun ini ketika Malaysia mempergerusikan ASEAN. Filipina dijangka akan meneruskan pelaksanaannya tahun hadapan," jelasnya.

**Lagi berita  
di muka 30 dan 31**